



**KEMPEN KESEDARAN UNTUK JABATAN KERJA RAYA (BAHAGIAN I):
KESEDARAN TENTANG 'KESELAMATAN TEMPAT KERJA DAN STANDARD SIHAT DAN
KEBAJIKAN' DAN 'KESELAMATAN LOJI DAN MAKMAL**

SELASA, 16 REJAB 1447H / 06 JANUARI 2026

Bahagian Perkembangan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya telah mengadakan Siri Kempen Kesedaran bagi Warga Kerja Jabatan Kerja Raya pada 5 dan 6 Januari pada sebelah pagi di Dewan Atria Simpuri, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

Taklimat yang bertajuk '*Standard Keselamatan dan Kesihatan serta Kebajikan di Tempat Kerja*' pada hari pertama dan 'Keselamatan loji dan makmal' pada hari kedua telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Rufian Rahman, Penasihat dan Jurulatih HSE. Ianya telah dihadiri seramai 150 orang pegawai dan kakitangan Warga Kerja Jabatan Kerja Raya. Antara objektif taklimat tersebut adalah:

- Meningkatkan kesedaran di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, Bab 277 dan penggunaannya pada persekitaran berasaskan Pejabat di Kementerian Pembangunan;
- Memahami mengenai peranan dan tanggungjawab di barisan pegawai kanan, pegawai dan kakitangan bagi mengekalkan tempat kerja yang selamat, sihat dan sentiasa dipatuhi;
- Meningkatkan tatacara dan kawalan risiko kepada pegawai dan kakitangan terhadap bahaya di Pejabat dan menggunakan asas prinsip pengurusan risiko bagi mengelak daripada kejadian atau jangkitan penyakit;
- Menggalakan budaya keselamatan yang positif dengan menggalakan tingkah laku keselamatan yang proaktif, akauntabiliti dan meningkatkan lagi tahap keselamatan, kesihatan dan kebajikan di tempat kerja; dan
- Mengukuhkan komunikasi keselamatan dengan meningkatkan keyakinan pegawai dan kakitangan dalam menyampaikan keperluan keselamatan, laporan terhadap risiko bahaya, dan tindak balas yang responsif terhadap insiden dan kecemasan.

Selain itu jua diharapkan keselamatan di tempat kerja adalah tanggungjawab bersama. Bukan sahaja di pejabat malah keselamatan terutama yang bekerja di loji dan makmal yang memerlukan pematuhan, kesedaran serta tingkahlaku mengenai keselamatan adalah wajar bagi melindungi orang ramai, serta mengekalkan kesinambungan operasi dan memenuhi misi dan visi Kementerian serta pematuhan terhadap undang-undang.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kerja Raya

Kementerian Pembangunan



**AWARENESS CAMPAIGN FOR PUBLIC WORKS DEPARTMENT (PART I):
AWARENESS ON 'WORKPLACE SAFETY AND HEALTHY AND WELFARE STANDARD' AND
'PLANT AND LABORATORY SAFETY'**

SELASA, 16 REJAB 1447H / 06 JANUARI 2026

The Human Resources Division, Administration and Finance Department, Public Works Department held a two-days Awareness Campaign for Public Works Department Employees in the morning session of 5-6 January 2026, held at the Atria Simpura Hall, Public Works Department Headquarters Building.

The awareness campaign on day one entitled 'The Workplace Safety and Health Welfare standards' and day two entitled 'Plant and Laboratory Safety' on was delivered by Yang Mulia Awang Rufian Rahman, HSE Advisor and Trainer, which was attended by 150 officers and staff of the Public Works Department. Among the objectives were:

- To build legal awareness. Enable participants to understand the key requirements of the Workplace Safety and Health Act (WSHA), Chapter 277, and how it applies to office-based environments within the Ministry of Development;
- Clarify roles and responsibilities. Clearly define the duties of employers, line managers, HSE officers, and employees in maintaining a safe, healthy, and compliant workplace;
- Improve hazard recognition and risk control. To equip participants with the ability to identify common office hazards and apply basic risk management principles to prevent incidents and ill-health;
- Promote a positive safety culture. Encourage proactive safety behavior, shared accountability, and continuous improvement in workplace safety, health, and welfare; and
- Strengthen safety communication. Enhance participants' confidence in communicating safety requirements, reporting hazards, and responding appropriately to incidents and emergencies.

Apart from that, it is also hoped that safety in the workplace is a shared responsibility. Not only in the office but also safety in plants and laboratories which require compliance, awareness and appropriate behavior safety to protect the public, as well as maintain the continuity of operations and fulfilling the mission and vision of the Ministry and legal obligations.

END-

Prepared by:

**Public Relations Unit
Department of Works
Ministry of Development**